

Kemuka permohonan kepada KKM

Isu laluan susur ambulans, klinik kesihatan sesak perlu perhatian segera demi keselesaan pengguna

BANTING - Ahli Lembaga Pelawat (ALP) Hospital Banting akan menyetujui permohonan laluan susur untuk kegunaan ambulans dan pembinaan Klinik Kesihatan Sijangkang kepada Kementerian Kesihatan (KKM) selewat-lewatnya minggu hadapan.

Pengerusinya, Abdul Razak Khasbullah berkata, peruntukan laluan susur itu bakal dimohon kepada Unit Pembangunan Negeri Selangor (ICU) melalui kerjasama Majlis Pembangunan Persekutuan Parlimen Kuala Langat demi keselesaan pengguna.

Menurutnya, usaha itu dilakukan selepas Pejabat Polis Daerah Kuala Langat melalui ketua polisnya meluluskan permohonan membuka laluan alternatif untuk memudahkan ambulans keluar dari hos-

“ Perkara ini memang saya akan bawa ke pengetahuan Kementerian dengan segera.” - Abdul Razak

pital dengan mudah.

“Saya bimbang kesesakan lalu lintas di hadapan hospital yang boleh menyebabkan risiko kemalangan hampir setiap hari itu terus menjadi-jadi disebabkan sikap kurang sabar pemandu.

“Perkara ini memang saya akan bawa ke pengetahuan Kementerian dengan segera,” katanya.

Abdul Razak yang juga Pengerusi Panel Kesihatan Daerah Kuala Langat berkata, isu Klinik Kesihatan Sijangkang yang sesak sebelum ini juga bakal dibawa ke pengetahu-

an Kementerian untuk dibina segera.

Katanya, beliau berharap pembinaannya akan dilakukan secepat mungkin memandangkan aduan sama masih diterima setiap kali berjumpa dengan masyarakat di Dun Sijangkang.

“Klinik tersebut memang mempunyai pesakit yang ramai menyebabkan suasana di situ tidak selesa dan perkara ini perlu diberi perhatian.

“Apa yang penting, hasrat penduduk dapatkan klinik baharu itu tercapai,” katanya.

Sebelum ini, *Sinar Harian* membuat tinjauan ke dua lokasi berkenaan untuk melihat sendiri isu berkenaan.

Ternyata, keperluan laluan susur dan pembinaan klinik berkenaan perlu diberi perhatian segera kerana ia melibatkan nyawa pesakit.



Beberapa pihak, termasuk Pengarah Hospital Banting, Dr Sabrina Che Ab Rahman ketika meninjau pembaikan susulan untuk jalan susur keluar ambulans.

Pertemuan penuh nostalgia



Sebahagian bekas pelajar dan guru sesi 1986 hingga 1990 yang hadir pada majlis perjumpaan berkenaan.

BUKIT CHANGGANG - Kekangan jarak dan masa tidak menghalang sebahagian besar bekas pelajar Sekolah Menengah Bukit Changgang sesi 1986 hingga 1990 berhimpun dan bertemu guru mereka.

Bekas pelajar, Mohd Faizal Mohamad Ali berkata, walaupun lama tidak bersua sejak meninggalkan alam persekolahan, itu tidak bermakna hubungan persahabatan yang terjalin terputus.

"Satu kejayaan bila kami boleh berhimpun bersama guru-guru yang terpisah sekitar 26 hingga 28 tahun lalu. Dalam perjumpaan ni, ada juga bekas pelajar yang dah tak kenal antara satu sama lain sebab dah lama sangat tak jumpa.

"Walaupun majlis ni sederhana, tapi kita anggap berjaya sebab semua bagi komitmen untuk berjumpa. Malah, masing-masing bawa

keluarga, ada lebih 40 keluarga juga yang turut serta untuk sama-sama mengeratkan silaturahmi," katanya.

Sementara itu, bagi Norhisham Othman, pelbagai pengalaman dan kenangan menjadi topik perbualan pada perjumpaan berkenaan.

"Penuh nostalgia dan memang terharu sebab dapat bersama dengan kawan-kawan sekolah yang dah lama tak jumpa.

"Macam-macam yang kami buatkan, bertukar pandangan dan cerita... ada yang berjaya lanjutkan pelajar ke peringkat PHD, berkhidmat dengan kerajaan di daerah ini, selain bekerja di sektor swasta," katanya.

Turut diadakan pada perjumpaan semula itu, penyerahan sumbangan kepada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan penyampaian cenderamata kepada setiap guru yang hadir pada majlis berkenaan.